



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 12 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	USAHA GIGIH USAHAWAN SAYUR BERBALOI, NASIONAL, SINAR HARIAN -5 PENGUSAHA PELANCONGAN JADI PETANI, DALAM NEGERI, UM -33	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	RAIH PULANGAN EMPAT ANGKA SEBULAN, NEGARA, KOSMO -17 ANAK MUDA RAIH RM7,000 TANAM CENDAWAN, DALAM NEGERI, UM -4	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Usaha gigih usahawanan sayur berbaloi

Hasil meningkat selepas mendapat bimbingan Jabatan Pertanian

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

HULU SELANGOR



RAMLEE



HANIFAH

S iapa sangka, pertaruhannya mencuba nasib untuk beralih kerjaya ternyata membuahkan hasil buat anak kelahiran peneroka Felda Mempaga, Bentong, Pahang ini apabila beliau kini mampu mengusahakan ladang tanaman sayuran seluas kira-kira 27 hektar di Bukit Beruntung, Selangor.

Menurut Ramlee Mohd Nasir, 39, beliau memulakan projek tanaman sayur di tapak ladang berkenaan sejak tahun 2018 selepas kerjayanya dalam bidang sistem audio tidak begitu menjamin kehidupannya dan semakin kurang mendapat permintaan.

Nantiun, katanya, enam bulan selepas memulakan tapaman tersebut, beliau masih gagal meraih sebarang hasil, malah mengalami kerugian kerana tidak mendapat bimbingan daripada mana-mana pihak.

"Pada permulaan dahulu, saya ingatkan bidang tanaman adalah mudah dan boleh dilakukan sesiapa sahaja tanpa melibatkan kos yang tinggi.

"Sangkaan saya ternyata meleset kerana bidang ini sebenarnya lebih sukar dan turut mempunyai cabaran yang tersendiri," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Enggan mengalah, bapa kepada tujuh orang anak itu berkata, dia kemudiannya mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan daripada Jabatan Pertanian Daerah Hulu Selangor untuk memulakan semula tanaman di ladang berkenaan.

Menurutnya, pegawai Jaba-



Ramlee meninjau tanaman sayuran di ladang miliknya di Bukit Beruntung, Selangor.

tan Pertanian banyak memberi ilmu dan kursus kepadanya, malah turut turun padang untuk memantau sendiri keadaan tanaman yang diusahakan.

"Saya akui pada peringkat permulaan, memang saya langsung tidak tahu peranan dan bantuan yang disediakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Pertanian kerana tidak pernah berurusan dengan mereka sebelum ini.

"Bagaimanapun, selepas dua tahun menceburi bidang ini, saya rasa amat bersyukur kerana pegawai dan wakil Jabatan Pertanian amat prihatin serta tidak lokek berkongsi ilmu bagi membantu kami menguruskan tanaman dengan lebih baik.

"Hasil tanaman kami seperti sawi, kailan, kangkung bambu, pucuk keledak dan lain-lain semakin meningkat berbanding sebelum ini," katanya.

Ramlee berkata, ketika ini dia hanya mengusahakan tanaman di ladang berkenaan yang melibatkan kawasan seluas 10 hektar bagi mengelakkan hasil susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Cabaran

Menurutnya, sejak memulakan projek tanaman di ladang berkenaan, dia berdepan cabaran untuk memasarkan sayur-sayuran kerana Hulu Selangor tidak mempunyai pusat pengumpulan seperti di kawasan-kawasan yang lain.

"Namun, Jabatan Pertanian sentiasa membantu kami, antaranya memastikan kami dapat mewujudkan rangkaian dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutian (FAMA) untuk memasarkan hasil tanaman, sekali gus mengelak berlakunya lambakan," katanya.

Ditanya mengenai peruntukan Belanjawan 2021 khususnya dalam bidang pertanian, Ramlee berharap bantuan yang diumumkan kerajaan itu dapat disalurkan untuk program-program kebun komuniti di Malaysia.

Menurutnya, ia bagi memastikan peruntukan tersebut dirasakan banyak pihak, sekali gus sampai terus kepada golongan sasaran.

"Ia juga dapat membantu

anak muda atau orang ramai yang kehilangan pekerjaan untuk bersama-sama mengusahakan kebun komuniti di kawasan masing-masing," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Daerah Hulu Selangor, Hanifah Hasan yang turut turun padang meninjau ladang milik Ramlee berkata, pihaknya sememangnya amat mengalu-alukan penglibatan golongan muda untuk bersama-sama melibatkan diri dalam bidang tanaman sayur-sayuran singkat masa.

Menurutnya, kebanyakan orang muda pada masa kini hanya tertumpu kepada bidang tanaman seperti fertigasi dan rock melon.

"Sebenarnya, tanaman singkat masa boleh meraih pendapatan dengan lebih cepat. Dalam tempoh sebulan sahaja, kita sudah boleh mendapat hasilnya.

"Sebab itulah, Jabatan Pertanian amat menggalakkan anak muda khususnya mereka yang terjejas pendapatan untuk cuba beralih kepada bidang tanaman singkat masa," kata beliau.

Hanifah berkata, Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai kursus dan latihan untuk pihak yang berminat secara percuma bagi menggalakkan lagi penyertaan mereka dalam bidang agro tanaman.

"Malah, kita turut sediakan kursus secara atas talian ketika tempoh PKPB bagi membantu membimbing pihak-pihak yang terlibat," katanya.



Kawasan ladang milik Ramlee yang berkeluasan 27 hektar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Pengusaha pelancongan jadi petani

KULAI: Pengusaha pelancongan desa di Gunung Pulai di sini disaran menceburi bidang pertanian dan penternakan ikan air tawar bagi meneruskan punca rezeki selepas kehilangan pendapatan yang merosot sehingga 70 peratus sepanjang penukaran wabak Covid-19.

Pengerusi Koperasi Sri Sekawan Kampung Sri Gunung Pulai, Jamalludin Abdol Hamid berkata, koperasi di bawah program Desa Lestari sejak 2015 menerima sokongan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Pihak Berkuasa Wilayah Iskandar (IRDA).

Katanya, pergerakan pengunjung agak terbatas kerana tidak boleh merentas daerah dan negeri serta bimbang dijangkiti antara punca mereka tidak mengunjungi kawasan itu sejak kebelakangan ini.

Menurut Jamalludin, sektor yang terjejas adalah inap desa, restoran dan tapak meletak kenderaan bagi yang mengunjungi hutan lipur.

"Kebanyakan mereka sebelum ini datang pada hujung minggu dan cuti umum yang sekali gus memberikan rezeki tambahan dan bukan sahaja kepada koperasi malah penduduk setempat.

"Sebagai contoh untuk hasil pendapatan tempat letak kenderaan di tanah persendirian, pemilik tanah dapat kutipan mendapat RM2 manakala RM1 untuk koperasi dan mereka boleh mendapat pendapatan sekitar RM10,000 hingga RM15,000 sebulan," katanya.

Jamalludin berkata, kesan Covid-19 menyebabkan pendapatan merudum kepada RM6,000 sebulan disebabkan kurang kedatangan pengunjung ke lokasi hutan lipur pada hari-hari biasa.

Katanya, peniaga restoran terpaksa beroperasi hanya tiga hari seminggu termasuk pada hujung minggu bagi mengurangkan kos pengurusan kerana kekurangan pelanggan.



MUHAMMAD SYAZWAN menunjukkan bongkah cendawan yang boleh dituai di Kampung Lubok Sipat, Benut, Pontian baru-baru ini.

Raih pulangan empat angka sebulan

PONTIAN – Permintaan tinggi terhadap cendawan tiram keluarga mendorong seorang pemuda mengusahakan tanaman itu yang membezakan pendapatan luma-yan sejak dua tahun lalu.

Muhammad Syazwan Zainal Abidin, 22, berkata, dia belajar mengenai perniagaan cendawan dengan seorang usahawan di Ulu Tiram selama lima bulan sebelum memberamkan diri membu-ka ladang sendiri.

Katanya, dia memperuntuk-kan kos permulaan sebanyak RM20,000 bagi membina empat buah bangsal dan menyediakan bongkah cendawan.

"Buat permulaan saya mena- dawan dengan tempoh masa pemeraman selama 45 hari se-

belum dituai.

"Setiap bongkah cendawan yang dituai, mampu mengeluar-kan hasil sehingga 40 hingga 70 gram (g) dengan pengeluaran se- hari antara 15 hingga 30 kilogram (kg)," katanya ketika ditemui di Kampung Lubok Sipat, Benut, baru-baru ini.

Tambah Muhammad Syaz- wan, anggaran pendapatan bu- lanan yang diperolehi ketika ini antara RM4,000 hingga RM7,000 sebulan bagi pengeluaran 600kg cendawan.

Katanya, setiap bongkah cendawan yang dibuat meng- gunakan beberapa cara seperti campuran habuk kayu getah, dedak kulit gandum, kapur dan air yang mampu mengeluarkan hasil selama empat bulan.

Muhammad Syazwan mem- beritahu, selain pelanggan yang datang ke ladangnya, dia juga menjual secara terus kepada pemborong dengan harga jualan RM14.sekilogram.

"Penjualan cendawan di pasar berdekatan terpaksa dihentikan sementara kerana tidak dapat menampung permintaan pelang- gan.

"Saya juga bercadang untuk menambah 14,000 bongkah cendawan dengan penambahan dua buah bangsal baru sebelum hujung tahun ini", ujarnya.

Jelasnya, penambahan itu bagi memenuhi sasaran 70 hing- ga 100 kilogram cendawan sehari memandangkan potensi dan per- mintaannya sentiasa meningkat setiap masa.

12/11/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

4



MUHAMMAD Syazwan menunjukkan bongkah cendawan yang sudah boleh dituai di Kampung Lubok Sipat, Benut, Pontian.
- UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Anak muda raih RM7,000 tanam cendawan

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**
utusannews@mediaripula.com.my

PONTIAN: Permintaan tinggi terhadap cendawan tiram kelabu mendorong seorang anak muda menceburi tanaman itu dan berjaya memberikannya hasil pendapatan lumayan sehingga RM7,000 sebulan sejak dimulakan pada 2018.

Muhammad Syazwan Zainal Abidin, 22, selepas mempelajari selama lima bulan kaedah penanaman cendawan itu, terus memberanikan diri membuka perusahaan sendiri dengan kos permulaan RM20,000 bagi membina bangsal dan menyediakan bongkah cendawan.

Katanya, sebagai permulaan, dia menanam 30,000 bongkah cendawan yang diletakkan di dalam empat bangsal dan perlu mengambil tempoh masa selama 45 hari sebelum dapat dipetik.

"Setiap bongkah cendawan mampu mengeluarkan hasil sehingga 40-70 gram atau pengeluaran sehari keseluruhan bongkah antara 15 hingga

30 kilogram (kg).

"Anggaran pendapatan bulanan yang diperoleh ketika ini RM4,000 hingga RM7,000 sebulan iaitu berdasarkan pengeluaran cendawan sebanyak 600 kg dalam sebulan," katanya ketika ditemui di kebunnya terletak di Kampung Lubok Sipat, Benut baru-baru ini.

Mengenai pemasaran cendawan, Muhammad Syazwan memberitahu, sebelum ini dia pernah menghantar ke pasar, tetapi tidak mampu dilakukan kerana pengeluaran tidak mencapai 20kg bagi memenuhi permintaan.

"Oleh itu, kami menjual terus kepada pemborong yang datang ke ladang dengan harga jualan RM14 sekilogram dan kepada individu yang ingin boleh membelinya boleh datang ke sini," jelasnya.

Ekoran permintaan tinggi ke atas cendawan tiram kelabu berkenaan, dia akan menambah lagi kepada 14,000 bongkah di samping membina dua bangsal baharu sebelum hujung tahun ini.